

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]**

TARIKH : 18.11.2014 (SELASA)

DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **MENTERI PEDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah hukuman maksimum yang akan dikenakan terhadap beberapa akaun sindiket yang sedang disiasat atas kesalahan penyeludupan diesel sekali gus cubaan menyeleweng subsidi kerajaan, jika sabit kesalahan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang melibatkan penyelewengan bahan petroleum bersubsidi, tindakan diambil di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dengan membeku aset dan akaun yang disyaki diperolehi daripada sumber penyelewengan tersebut.

Jika disabit kesalahan, boleh dihukum denda maksimum 5 kali ganda nilai aset atau wang hasil aktiviti haram atau penjara tidak melebihi 15 tahun.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN : 18

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada terdapat mana-mana laluan penerbangan MAS yang menguntungkan yang akan dipindah milik kepada Air Asia dalam usaha menstruktur semula MAS. Jika benar, minta Menteri menjelaskan keputusan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

MAS tidak akan memindahkan mana-mana laluan penerbangan yang menguntungkan kepada AirAsia dalam usaha menstruktur semula syarikat tersebut.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK AARON AGO ANAK DAGANG

[KANOWIT]

TARIKH : 18.11.2014 (SELASA)

SOALAN : 19

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan jumlah dan peratusan jalan utama luar bandar Sabah dan Sarawak yang telah dikenalpasti tetapi belum dapat peruntukan. Adakah Kerajaan mempunyai pelan atau target di mana kesemua kampung dan rumah - rumah panjang di kedua negeri dapat kemudahan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB) dan Jalan Perhubungan Desa (JPD) telah merancang untuk membina dan menaik taraf jalan sepanjang 2,800km di negeri Sarawak dan 2,500km di negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut sepanjang 1,157.79km telah berjaya disiapkan di negeri Sarawak dan 1,314.30km di negeri Sabah dibawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) sehingga kini. Baki yang masih belum dilaksanakan dicadangkan untuk dilaksanakan bagi tahun 2015 hingga 2020. Walau bagaimanapun, perlaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.